



**SUMBANGAN WILLIAM HOOD TREACHER SEBAGAI GABENOR
PERTAMA DI BORNEO UTARA DI BAWAH PEMERINTAHAN
SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH (1881-1887)**
*Contributions Of William Hood Treacher As The First Governor Of North Borneo Under
The Rul Of British North Borneo Company (1881-1887)*

^{1*}YUSRY SULAIMAN
²MOHAMED ALI HANIFFA
³NOR AZLAH SHAM RAMBELY

^{1*,2&3}Unit Kenegaraan & Sejarah Gunaan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, Jalan Sintok, 06010, Bukit Kayu Hitam, Kedah Darul Aman.

*Corresponding author: yusry.sulaiman@uum.edu.my

Date Received: 25 August 2025 | Date Revised: 7 September 2025
Date Accepted: 23 October 2025 | Date Published: 22 December 2025
DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v36i2.6747>

ABSTRAK Makalah ini meneliti sumbangan signifikan William Hood Treacher sebagai Gabenor pertama Borneo Utara di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Sebelum dilantik ke jawatan tersebut, Treacher pernah berkhidmat dalam beberapa jawatan penting, termasuk di Negeri-Negeri Selat di Tanah Melayu dan sebagai Setiausaha Kolonial di Pulau Labuan pada tahun 1873. Pengalaman ini melengkapkan beliau dengan pengetahuan dan kecekapan dalam menguruskan pentadbiran wilayah yang sedang berkembang. Dalam karya beliau *British Borneo: Sketches of Brunai, Sarawak, Labuan, and North Borneo* (1889), Treacher memperincikan usaha-usaha yang dijalankan untuk memperkenalkan dasar-dasar pembangunan infrastruktur yang bertujuan mengoptimumkan penggunaan sumber asli sedia ada. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi wilayah, tetapi turut membentuk asas pentadbiran moden di Borneo Utara. Selain itu, Treacher turut menekankan kepentingan menjalin hubungan diplomatik dengan pemimpin tempatan bagi memastikan kestabilan politik, yang merupakan elemen penting dalam kejayaan pentadbiran kolonial di rantau ini. Oleh itu, kajian ini merumuskan bahawa sumbangan Treacher adalah signifikan dalam merintis pembentukan dasar pentadbiran moden serta pembangunan politik dan ekonomi di Borneo Utara. Legasi beliau yang dicatatkan dalam *British Borneo* memberikan pandangan komprehensif terhadap usaha awal pentadbiran kolonial di wilayah tersebut dan kepentingannya dalam perkembangan sejarah Borneo Utara.

Kata Kunci: Treacher, Gabenor, Pentadbiran, Politik, Moden



Abstract *This research about contribution of William Hood treacher as the first Governor of North Borneo under the administration of the British North Borneo Company. Prior to his appointment Treacher had served in several important position, including in the stratis settlement in Malaya and as colonial secretary of Labuan in 1873. These experiences equipped him with knowledge and expertise in managing the administration of developing territory. In his work British Borneo; Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo, Treacher detailed the efforts undertaken to introduce infrastructure development policies aimed at optimizing the use of available natural resources. Thes initiatives not only contributed to the region economic groth but also laid the foundation for modern administration in North Borneo. In furthermore, treacher emphasized the importance of fostering diplomatic relations with locak leaders to ensure political stability, a crucial elements in the success of colonial governance in the region. Therefore, this research concludes that administrative policies as well political and economic development in North Borneo. His legacy, recorded in British Borneo, Provides a comprehensive and its importances in the historical develoment of North Borneo.*

Keywords: *Treacher, Governor, Administration, Politics, Modern*

PENGENALAN

Gabenor ialah gelaran yang mentadbir sebuah memerintah sesuatu wilayah jajahan. Gabenor merupakan pangkat Ketua Negara ebelum peranannya di Borneo Utara, Treacher pernah berkhidmat di Negeri-Negeri Selat di Tanah Melayu dan sebagai Setiausaha Kolonial di Pulau Labuan pada tahun 1873, yang memberikannya pengalaman luas dalam pentadbiran wilayah jajahan (The United Kingdom Royal...., 1921). Treacher terkenal dengan pendekatan strategik dalam pembangunan wilayah. Beliau memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, pengenalan dasar pentadbiran moden, serta memanfaatkan sumber asli sedia ada seperti hasil hutan dan perdagangan. Selain itu, beliau berjaya menjalin hubungan diplomatik dengan pemimpin-pemimpin tempatan bagi memastikan kestabilan politik dan keamanan wilayah di bawah pentadbiran British. Karya penting beliau, *"British Borneo: Sketches of Brunai, Sarawak, Labuan, and North Borneo"* (1889), merekodkan pemerhatiannya terhadap keadaan sosio-ekonomi dan politik di Borneo Utara, termasuk interaksi dengan masyarakat pribumi serta usaha pembangunan yang dijalankan. Treacher dikenang sebagai perintis dalam meletakkan asas pentadbiran kolonial yang stabil dan berkesan di Borneo Utara, sekali gus menyumbang kepada perkembangan politik dan ekonomi wilayah ini. Ringkasnya, William Hood Treacher ialah seorang tokoh kolonial penting yang membawa pembaharuan dalam pentadbiran serta pembangunan awal Borneo Utara di bawah naungan British.

METODOLOGI

Maksud Kolonialisme iaitu penguasaan sesebuah kuasa asing ke atas wilayah lain bagi kepentingan politik, ekonomi dan budaya. Melihat konteks di Borneo Utara, Syarikat Borneo Utara British adalah golongan kolonialisme yang wujudnya satu bentuk dominasi yang bukan sahaja menekankan penguasaan ekonomi tetapi mengubah struktur pentadbiran masyarakat tempatan. Konsep ini turut dijelaskan oleh Ania (Ania, 2015) iaitu kolonialisme sebagai satu keadaan yang membentuk hubungan tidak seimbang anatra penjajah dan penduduk asal.



Seterusnya dalam kajian beliau banyak bersumber daripada arkib kolonial dan penulis sezaman. Antara rujukan utama iaitu *British, Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan dan North Borneo*. Karya beliau memberi gambaran mendalam tentang keadaan masyarakat peribumi serta pelaksanaan dasar pentadbiran kolonial. Karya ini sangat penting kerana ia ditulis berdasarkan pengalaman langsung beliau sebagai pentadbir walaupun perlu dibaca dengan lebih spesifik memandangkan satu rujukan utama dalam pandangan kolonial British.

Selain itu, dalam laporan *Handbook of British North Borneo* merupakan sumber rujukan yang sesuai untuk mengkaji beliau sepanjang menjadi Gabenor di Borneo Utara. Dalam laporan itu juga diselit dalam laporan rasmi dalam Syarikat Borneo Utara British seperti maklumat ekonomi, pengurusan tanah, hubungan masyarakat peribumi tempatan dan cabaran pentadbiran. Laporan tersebut juga menjelaskan di dalam arkib negeri Sabah bagi memahami untuk memahami dasar, polisi dan strategi Treacher.

Terdapat pandangan kolonial sezamannya seperti Owen Rutter dalam karyanya iaitu *British North Borneo* pada tahun 1922. Buku ini juga terselit tentang Treacher sebagai seorang pentadbir yang melakukan pembangunan serta berjaya mengatasi cabaran sebagai pentadbir di Borneo Utara. Antara pencapaian terpenting seperti perdagangan, eksploitasi sumber asli, memungut hasil hutan dan pertanian. Sambil itu, beliau turut membuat hubungan baik dengan pemimpin tempatan untuk memastikan kestabilan politik dengan stabil. tetapi buku Rutter juga memberi beberapa kritikan tentang pendekatan kolonial kepada SBUB termasuklah zaman Treacher yang lebih berfokus keuntungan ekonomi berbanding kepentingan masyarakat peribumi. Tanggapan ini telah membuka ruang bagi menilai semula sejauh masa dasar dari Treacher yang memberi kesan jangka panjang mengenai struktur sosial dan ekonomi masyarakat tempatan. Oleh itu, kajian ini memperlihatkan kesan pentadbiran di bawah pemerintahan Treacher bukan sahaja membentuk asas kepada sistem politik dan ekonomi di Borneo Utara malahan menjadi sebahagian daripada hasil wacana lebih luas mengenai hubungan kuasa kolonial dengan masyarakat peribumi di Borneo Utara.

CIRI-CIRI PENTADBIRAN WILLIAM HOOD TREACHER DI BORNEO UTARA

Sebagai Gabenor pertama di Syarikat Borneo Utara British (SBUB) William Hood Treacher memperoleh dikurniakan pada tahun 1881. British Mengiktiraf tersebut memainkan peranan penting dalam merangka asas dalam pentadbiran colonial di wilayah tersebut. Kepimpinannya memperlihatkan beberapa ciri utama yang membentuk hala tuju awal SBUB sebagai entity kolonial. Anatranya Struktur pentadbiran dan perundangan, Pembangunan ekonomi, hubungan penduduk tempatan, keamanan dan ketenteraan dan diplomasi hubungan serantau (A British North Borneo with a Brief History, 1899; Treacher, 1882, 1889).

Dalam struktur pentadbiran, beliau bertanggungjawab dalam merangka struktur pentadbiran awal di Borneo Utara selepas mendapat iktiraf pada tahun 1881. Kerajaan British memberi kuasa kepada Syarikat untuk menadbir wilayah ini dengan hamper sama seperti sebuah negara berdaulat, tetapi masih dibawah pengawasan empayar British. Oleh itu, treacher memperkenalkan sistem pentadbiran yang berasaskan hierarki yang terjadi di Sandakan. Sandakan adalah pemerintahan utama serta pegawai colonial iaitu Residen dan Pegawai Daerah ditempatkan di Kawasan-kawasan strategik. Sistem ini telah mewujudkan hubungan langsung antara pihak pusat pentadbiran dengan daerah yang membolehkan SBUB mengawal wilayah yang laus dengan lebih efektif. Sambil itu, Treacher turut memperkenalkan sistem undang-undang bertulis bagi menggantikan hukum adat tempatan dalam banyak aspek, namun



begitu pelaksanaannya dilakukan secara beransur-ansur bagi mengelakkan penentangan secara terbuka (A British North Borneo with a Brief History, 1899: Treacher, 1882, 1889).

Selain itu, Pembangunan ekonomi adalah matlamat utama bagi SBUB. Beliau menggalakkan pelaburan dalam sektor perladangan secara komersial terutama tanaman tembakau yang mendapat pasaran antarabangsa. Sambil itu mengeksploitasi sumber asli seperti kayu bala dan menjadi tonggak utama dalam ekonomi. Sambil itu pembangunan infrastruktur turut jadi asas utama, antaranya di Sandakan telah dibangunkan sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi utama dengan wujudnya Pelabuhan, Gudang dan jaringan jalan raya yang menghubungkan Kawasan pedalaman dengan pusat perdagangan. Langkah ini bukan dilihat sahaja tetapi cuba mengukuhkan kedudukan ekonomi SBUB, malahan Borneo Utara juga dijadikan sebagai rangkaian perdagangan ekonomi global pada abad ke-19 (Treacher, 1882, 1889; Colonial & Indian Exhibition, 1886, 1890; Rutter, 1922, 1930).

Hubungan Treacher dengan masyarakat peribumi seperti masyarakat Dusun dan Dusun mempunyai hubungan baik. Beliau sedar bahawa sokongan tempatan penting demi mewujudkan kestabilan politik wilayah. Dalam dasar colonial telah diperkenalkan sering menjadi satu ketegangan. Sebagai contoh, dasar pemilikan tanah yang memihak kepada SBUB dan Pelabur asing menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk peribumi. Tanah yang dianggap sebagai milik komuniti adat acap kali diambil alih oleh SBUB. Antara tujuannya iaitu dijadikan sebagai tanah komersial. Perkara ini menjadi konflik yang berpanjangan diantara Treacher dan Masyarakat peribumi. Ini menegaskan bahawa Treacher cuba membuat hubungan baik dengan Masyarakat peribumi, namun tetap diteruskan dalam operasi keepingan SBUB (Treacher, 1882, 1889).

Dalam Ketenteraan, Treacher memastikan tahap jaminan keselamatan wilayah iaitu menubuhkan pasukan polis bersenjata yang berfungsi sebagai alat kawalan politik dan ketenteraan. Pasukan ini adalah penting dalam mengekang pemberontakan serta menghapuskan golongan penentang berskala kecil daripada masyarakat peribumi yang tidak bersetuju dengan dasar tanah, cukai dan buruh paksa. Kes ini berlakunya di pantai barat Borneo Utara dan pantai timur (Treacher, 1882, 1889; Tregonning, 1960; Warren, 1971a, 1971b, 2002, 1966.b, 1980). Treacher telah menguatkan pasukan bersenjata demi pentadbiran kolonial yang fokus keselamatan wilayah terjaga dan aman. Sambil itu, pihak SBUB telah melaksanakan undang-undang demi menghapuskan golongan penentang melalui kekerasan apabila kecemasan berlaku (Treacher, 1882, 1889, 1881; Ismail, 2010, 2016; Warren 1971 a; Wright, 1980; Yusry *et al*, 2022).

Treacher sangat mementingkan hubungan diplomasi dalam pentadbiran. Dengan wujudnya hubungan diplomasi tersebut seperti kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu mesti dijaga kerana wilayah SBUB bergantung kepada hasil pajakan yang diperoleh daripada kedua-dua entiti tersebut. Tambahan pula, Treacher memastikan dalam perjanjian pajakan termeterai ini mesti kekal melalui pendekatan hasil diplomatik. Sambil memperkuat kuasa SBUB di mata kuasa serantau, tindakan ini sangat penting bagi mengelakkan sebarang pergaduhan yang boleh menggugat kedudukan SBUB. Antaranya dalam konteks persaingan geopolitik di Asia Tenggara iaitu Belanda, Sepanyol dan Perancis (Treacher, 1882, 1889, 1881; British North Borneo with a Brief History, 1899; Colonial & Indian Exhibition, 1886, 1890; Rutter, 1922, 1930; Wright, 1966).



Akhir Sekali, memperlihatkan segala hasil pentadbiran mempunyai unsur kolonial pentadbiran moden dengan adaptasi realiti tempatan. Melihat satu sisi, beliau telah berjaya membentuk segala struktur pemerintahan secara tersusun dan meletakkan asas pembangunan ekonomi kolonial. Melihat perspektif lain pentadbiran beliau juga menghadapi cabaran besar akibat ketegangan dengan masyarakat peribumi serta keterbatasan sumber SBUB. Intihanya, Treacher dapat dilihat sebagai seorang pentadbir yang pragmatik serta berjaya mengimbangi antara tuntutan daripada Kerajaan British seperti ekonomi SBUB, politik tempatan dan sosial di Borneo Utara.

CABARAN PENTADBIRAN AWAL SEMASA TREACHER DI BORNEO UTARA

Treacher mempunyai cabaran besar dalam pentadbiran terpaksa menghadapi pelbagai rintangan sambil mengembangkan corak unsur kolonialisme di Borneo Utara. Cabaran dan rintangan ini bukan sahaja faktor dalam SBUB tetapi juga beberapa aspek ditekankan iaitu kewangan, golongan penentang dan geografi.

Cabaran utama sepanjang beliau memerintah iaitu kewangan antara perkara paling mendesak bagi beliau. SBUB tidak menerima sebarang bantuan kewangan langsung daripada kerajaan British. Oleh itu segala kos pentadbiran, pembangunan infrastruktur serta operasi keselamatan perlu ditanggung oleh SBUB melalui hasil cukai dan pelaburan. Sebagai contoh, segala pembinaan pelabuhan, jalan raya dan pusat pentadbiran di Sandakan memerlukan modal besar. Pada masa yang sama hasil ekonomi daripada perladangan tembakau dan eksport kayu balak masih belum stabil sepenuhnya. Situasi ini menimbulkan dilema antara mengekalkan operasi pentadbiran harian dengan memenuhi keperluan pelaburan jangka panjang. Kalau berlaku gagal menguruskan kewangan dengan baik boleh menjejaskan keberlangsungan SBUB, lebih-lebih lagi dalam konteks persaingan dengan kuasa kolonial lain seperti Belanda dan Sepanyol.

Cabaran seterusnya Treacher memperkenalkan cukai, buruh paksa dan penguasaan tanah dengan wujudnya polisi dari SBUB perkara ini menimbulkan ketidakpuashati terutama masyarakat peribumi tempatan sebagai contoh sistem cukai sering diperkenalkan dan terbeban kerana tidak mengambil kira struktur ekonomi tradisional masyarakat tempatan yang masih berasaskan sara diri. Selain itu, perlaksanaan dasar pemilikan tanah kolonial komuniti peribumi turut terjejas sehingga mencetuskan penentangan sehingga berlaku enggan bayar cukai serta berlaku pemberontakan berskala kecil. Oleh itu pentadbiran dari Treacher perlu menyeimbangkan antara ketegasan untuk menegakkan dasar kolonial dengan diplomasi demi mengekalkan hubungan baik dengan ketua-ketua tempatan. Perkara ini turut menggunakan pendekatan kerana tindakan terlalu keras boleh mencetuskan pemberontakan secara besaran, jika memberi kelonggaran boleh melemahkan kekuatan kedudukan SBUB sebagai kuasa kolonial baharu.

Cabaran dari geografi dan logistik di Borneo Utara turut menjadikan sebagai faktor halangan. Hal ini menjelaskan Borneo utara mempunyai wilayah luas dan mempunyai bukit bukau, hutan tebal dan Sungai besar menyebabkan berlaku kesukaran untuk melakukan penyatuan dalam pentadbiran. Banyak Kawasan pedalaman terputus hubungan dengan pusat pentadbiran di Sandakan, menjadikan perlaksanaan dasar kolonial tidak seragam dan sering bergantung Kawasan setempat (Hatton, 1885).



SBUB juga mempunyai cabaran dari segi logistik sehingga berlaku penghalangan dalam perkembangan ekonomi. Segala hasil pertanian dan sumber asli dari pedalaman sukar disalurkan ke pelabuhan untuk eksport. Segala kemudahan asas yang masih terbantut bagi menarik pelabur asing sehingga kewangan SBUB agak terbeban. Dalam konteks ini, faktor geografi bukan sahaja memperlahankan operasi ekonomi wilayah malahan juga meningkatkan kos operasi pentadbiran (Hatton, 1885).

Segala cabaran tersebut saling berkait dalam membentuk corak pentadbiran Treacher. Bagi masalah kewangan saling telah terbantut terhadap kemampuan SBUB seperti membina kemudahan infrastruktur, manakala golongan pentang masyarakat peribumi iaitu pendekatan politik yang lebih berhati-hati. Pada masa yang sama keadaan geografi yang mencabar dari segi kos dan logistik. Tuntasnya cabaran tersebut telah dijelaskan kenapa pentadbiran awal SBUB dibawah pemerintahan Treacher sering bersifat toleransi dan perlahan-lahan untuk membangun. Perkara ini menunjukkan bahawa pengukuhan kuasa kolonial di Borneo Utara bukanlah suatu proses mudah, sebaliknya dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara kepentingan ekonomi kolonial dengan masyarakat tempatan.

SUMBANGAN DAN CABARAN UTAMA TREACHER DALAM PENTADBIRAN DI BORNEO UTARA

Dasar Anti-Perhambaan

Aktiviti perhambaaan merupakan satu aspek paling penting dalam struktur sosial masyarakat di Borneo Utara sebelum kedatangan pentadbiran colonial. Perkara ini sudah wujud dalam pelbagai bentuk, antara aktiviti dikaitkan iaitu perhambaan domestic serta hamba perang yang sering dikaitkan dengan adat dan kedudukan sosio-politik terutama golongan elit tempatan. Bagi pemimpin etnik (suku). Aktiviti perhambaan merupakan satu kekayaan tetapi fungsi sebagai symbol status terhadap kuasa. Hal ini menyebabkan Treacher cuba usaha untuk menghapuskan aktiviti perhambaan tidak dapat dilakukan secara drastik tetapi memerlukan pendekatan berperingkat yang sensitive terhadap norma budaya masyarakat setempat (Mikrofilem 380/82. Slavery in North Borneo; Aping, 2016).

Treacher adalah gabenor pertama dibawah Syarikat Borneo Utara British yang memainkan peranan penting dalam usaha menghapuskan amalan ini. Beliau berpegang kepada dasar moral dan undang-undang British yang berlaku kuatkuasa dalam akta penghapusan Perhambaan (Handbook of The State of British North Borneo, 1922: British North Borneo Herald, 1884, 1938). Beliau menegaskan pendirian empayar British terhadap penolakan perhambaan. Intinya sebagai pegawai colonial bahawa beliau terikat dengan kewajipan memastikan dasar ini dipraktikkan di wilayah tadbirnya.

Segala pelaksanaan dasar anti perhambaan di Borneo Utara bukanlah satu proses mudah. Beliau sedar bahawa penghapusan perhambaan akan berlaku penentangan secara mendadak terutama golongan pemimpin yang memerlukan dan bergantung kerja perhambaan. Tambahan pula, beliau memilih untuk memperkenalkan dasar dan polisi yang lebih sifat toleransi dan kompromi. Antarnya memperkenalkan melarang penjualan dan pemilikan hamba Baharu sambil menyelitkan laluan pembebasan secara peringkat. (Mikrofilem 380/82. Slavery in North Borneo; Aping, 2016).



Salah satu Langkah strategi yang diperkenal iaitu program pembebasan hamba melalui sistem tebusan yang selaras dalam adat tempatan. Cara ini dapat mencerminkan kebijaksanaan politik kolonial kerana dapat mengelakkan konfrontasi terbuka dengan Masyarakat peribumi disamping tetap melaksanakan prinsip moral British. Dari sistem ini hamba dapat diberikan peluang untuk menebus kebebasan mereka, manakala pemilik pula tidak berasa kehilangan secara serta merta kerana pampasan tertentu masih diterima. Dengan Langkah ini dapat berintegrasi bekas hamba ke dalam masyarakat dapat dilakukan secara beransur-ansur tanpa menguat kesimbangan sosial. Analisis dasar dari beliau bahawa tidak fokus tuntutan moral dari colonial British tetapi cara colonial untuk menawan Masyarakat peribumi yang pragmatik. Secara asasnya British hanya fokus untuk menyebarkan “*white men Burden*” dengan menyelit kemanusiaan dan kuasa adab. Pada masa yang sama tidak mahu menjejaskan kestabilan politik di wilayah Baharu. Dengan itu dasar anti perhambaan di Borneo Utara dapat difahami sebagai hasil interaksi antara prinsip empayar dan reality tempatan.

Secara keseluruhannya, usaha Treacher menentang perhambaan menggambarkan transformasi awal struktur sosial di Borneo Utara. Amalan tradisional mula digantikan dengan nilai kolonial. Tetapi keberkesanan dsar ini bergantung kepada penerimaan Masyarakat tempatan, perkara ini masih jelas menandakan peralihan paling penting dalam Sejarah pentadbiran kolonial di wilayah tersebut.

PERANAN DALAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Selain memperkenalkan mekanisme pembebasan hamba secara berperingkat, Treacher turut menekankan usaha mendidik masyarakat tempatan mengenai kepentingan penghapusan perhambaan. Dari kaca mata kolonial, Pendidikan moral dan sosial ini sering dilihat penting untuk mengubah persepsi Masyarakat peribumi bahawa hamba adalah sebahagian daripada sistem sosial yang tidak boleh digugat. Beliau berpegang kepada prinsip bahawa pembangunann masyarakat ahnya dapat dicapai sekiranya struktur lama yang berasaskan penghambaan digantikan dengan nilai-nilai Baharu yang lebih sejajar dengan dasar kemanusiaan British. (Colonial & Indian Exhibition, 1886, 1890; Ismail 2010, 2013; Ranjit, 2000; Tregonning, 1960).

Sejajar dengan itu, pihak kolonial memperkenalkan sistem pentadbiran moden yang bertujuan adalah menepiskan sifat kebergantungan kepada tenaga buruh hamba. Sistem cukai pentadbiran daerah, serta pengenalan undang-undang bertulis sedikit demi sedikit membentuk kerangka sosial baharu. Langkah ini bukan Sahaja mengekang amalan perhambaan, tetapi membuka ruang alternatif sambil menyalurkan bekas hamba ke dalam ekonomi kolonial sebagai buruh bebas. Perkara ini dapat melihat bahawa hubungan langsung di antara dasar anti-perhambaan dengan matlamat jangka panjang kolonial sambil membina sebuah masyarakat yang lebih produktif dan berfungsi dalam kerangka ekonomi kapitalis moden (Colonial & Indian Exhibition, 1886, 1890; Ismail, 2010, 2013; Ranjit, 2000; Tregonning, 1960).

WARISAN PENGHAPUSAN PERHAMBAAAN

Salah satu warisan daripada treacher iaitu memainkan peranan penting dalam proses penghapusan perhambaan di Borneo Utara pada akhir abad ke-19. Walaupun dilakukan secara berperingkat, dasar ini telah mengubah struktur sosial Masyarakat tempatan dan menyesuaikan pentadbiran kolonial dengan realiti budaya setempat. Penghapusan perhambaan telah



membawa kesan perubahan dalam sistem buruh bagi memenuhi keperluan tenaga kerja. Treacher lebih menggalakan kemasukan buruh asing dari China bagi sektor perladangan dan perlombongan. Perkara ini berlaku perubahan demografi yang lebih mendadak yang merupakan asas Pembangunan Kolonial. Sambil itu, Treacher juga memfokuskan keuntungan bahawa penitngnya untuk mengeksploitasi sumber alam supaya ekonomi jangka Panjang tidak terjejas. Intihnya dasar daripada beliau telah membuka matlamat British untuk mengaut keuntungan sambil megekalkan kawalan politik tetapi meninggalkan kesan besar terhadap struktur sosial dan ekonomi masyarakat peribumi (Mikrofilem 380/82. Slavery in North Borneo; Aping, 2016; Colonial & Indian Exhibition, 1886, 1890; Ismail, 2010, 2013).

CABARAN DAN HALANGAN TREACHER SEPANJANG MEMERINTAH DI BORNEO UTARA

Terdapat pelbagai usaha secara langsung demi hapus penghapusan perhambaan secara realiti dalam lapangan penghapusan perhambaan bukanlah tempoh yang singkat. Antaranya disebabkan beberapa faktor utama seperti keterikatan. Budaya dan sosial, kepentingan ekonomi tempatan, keterbatasan pentadbiran kolonial dan pertimbangan politik kolonial.

Pertama, keterikatan Budaya dan sosial adalah salah satu cabaran bagi beliau. Melihat dalam konteks peribumi terutama yang masih mengamalkan struktur hierarki tradisional. Mereka anggap bahawa hamba sebagai sebahagian simbol status kekayaan ekonomi. Kebergantungan pemimpin suku terhadap hamba sebagai tenaga kerja rumah tangga, pertanian dan pengawal perang menjadikan usaha penghapusan sesuatu yang bertentangan dengan adat dan kepentingan ekonomi mereka. Kedua, kepentingan ekonomi tempatan adalah penting bagi yang mengamalkan aktiviti perhambaan. Melihat kaca mata masyarakat maritim dan agraria di Borneo Utara, tenaga hamba adalah komponen utama penting dalam kegiatan ekonomi seperti perdagangan, pertanian atau kerja-kerja domestik. Ini menyebabkan Treacher cuba menghapuskan perhambaan kerana salah satu sumber tenaga kerja murah dan asas mereka (Ismail, 2010, 2013; Treacher, 1882; 1881, 1889).

Ketiga, cabaran dan halangan mereka adalah keterbatasan pentadbiran kolonial iaitu pada peringkat awal SBUB menghadapi masalah kekurangan sumber manusia, kewangan dan kemudahan infrastruktur. Kedudukan mereka bergantung kuat kepada kerjasama pemimpin tempatan. Perkara ini menyebabkan segala dasar telah dilaksanakan secara tegas tanpa memikirkan risiko kepada golongan penentang. Ini menyebabkan dasar anti-perhambaan sering bersifat toleransi berbanding penguatkuasaan menyeluruh. Akhir sekali pertimbangan politik kolonial iaitu British masih berpegang kepada prinsip moral iaitu menentang perhambaan tetapi masih diutamakan kestabilan politik dan keselamatan jajahan. Oleh itu, cara Treacher lebih bersifat pragmatik iaitu menyeimbangkan antara tuntutan dasar dengan sensitiviti politik tempatan (Treacher, 1882).

Segala cabaran dan halangan dasar anti perhambaan yang bawa oleh Treacher mencerminkan ketegangan antara idealisme moral British dengan realiti sosial tempatan. Dari satu sisi pula, penghapusan perhambaan telah dipaparkan sebagai langkah pembangunan moden demi pembinaan masyarakat yang lebih tamadun dan berperikemanusiaan. Tetapi dari perspektif lain pula dilihat sebagai satu kekangan besar kerana bersentuhan dengan budaya, kepentingan ekonomi dan politik setempat. Perkara ini menyebabkan timbul kesukaran iaitu cara penghapusan perhambaan bukan semata-mata persoalan undang-undang pentadbiran, tetapi



,melibatkan transformasi mendalam hanya dapat dilihat secara beransur-ansur melalui kompromi antara prinsip kolonial dengan penerimaan masyarakat tempatan.

HUBUNGAN WILLIAM HOOD TREACHER DAN WILLIAM CLARK COWIE SEBAGAI SATU TUJUAN PERANAN SAMA DALAM SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH

Trencher dan Cowie merupakan dua tokoh terkenal yang peranan penting dan saling melengkapi dalam kedatangan SBUB pada penghujung abad ke-19. Walaupun bidang tugas berbeza, Treacher adalah peranan penting dalam pentadbiran kolonial sambil Menyusun struktur pentadbiran. Dengan itu, Treacher memerintah kepada Cowie dalam bidang ekonomi dan perunding yang menghubungkan SBUB dengan jaringan perdagangan serta kuasa serantau. Dua orang kelibat ini adalah penting dalam memastikan dalam SBUB sebagai satu entiti kolonial yang kukuh di Borneo Utara. Antaranya kolaborasi Pembangunan ekonomi, strategi wilayah pentadbiran dan peranan perubahan SBUB (Ranjit 2000; Black, 1970; Tregonning, 2007 ;Ismail, 2007; Aping 2016; British North Borneo Herald . 1 Februari 1886; Colonial & Indian Exhibition,1886; Rutter, 1930; Treacher,1882; 1881,1889).

Treacher percaya bahawa kepada Cowie kerana kepakarannya dalam dunia perdagangan dan perhubungan ekonomi di Rantau Asia Tenggara adalah bidangnya. Beliau memainkan peranan penting dalam memperluaskan kegiatan ekonomi di Borneo Utara, terutama di Sandakan. Sandakan adalah salah satu potensi Pembangunan jaringan perdagangan, perlombongan dan perkapalan. Tindakan dan usahanya telah membuka ruang dan peluang kepada SBUB demi membangunkan wilayah tersebut sebagai pusat ekonomi colonial yang strategik (Treacher,1882; 1881,1889. Sambil itu, treacher sebagai gabenor hanya memberi sokongan pentadbiran terhadap projek beliau seperti penyusunan undang-undang serta hubungan diplomatic dengan pemimpin peribumi tempatan. Bahagian ekonomi akan diserahkan kepada Cowie kesemua ini disokong oleh Treacher. Oleh itu Treacher membina dan menyediakan kesemua kerangkaan pentadbiran asas demi kestabilan operasi (Treacher,1882; 1881,1889).

Dari perspektif ekonomi hubungan Treacher dan Cowie juga mempunyai asas strategi dalam politik dan diplomatic. Dengan itu, Cowie mempunyai asas hubungan diplomatic dengan hubungan erat dengan kesultanan Sulu terutama melalui penglibatan dalam urusan pajakan wilayah pantai timur Borneo Utara. Hubungan jaringan diplomatic ini sangat penting bagi SBUB kerana boleh menjamin kesinambungan hak pajakan yang menjadi asas kepada penguasaan mereka. Manakala treacher pula, sebagai Gabenor bergantung kepada hasil diplomatik kepada Cowie untuk melaksanakan dasar pentadbiran di kawasan strategik seperti Sandakan, Lahad Datu dan pantai timur Borneo Utara (Sather, 1997). Hasil Kerjasama mereka menghasilkan keseimbangan di antara pegawai dan Masyarakat peribumi. Akhir sekali Cowie menjadi hubungan perantaraan dengan kuasa serantau, manakala Treacher memastikan segala pentadbiran dan kuasa legitemasi SBUB di mata Masyarakat peribumi dan empayar British (Treacher,1882; 1881,1889).

Oleh itu, melihat kedua tokoh ini ada mempunyai sumbangan yang sangat jelas dalam Syarikat Borneo Utara British. Melalui Cowie, aspek hubungan ekonomi dan diplomatiknya telah menyedia asas serta hubungan diplomatic antarabangsa yang menyebabkan SBUB memberi iktiraf daripada Kerajaan British (Treacher,1882; 1881,1889). Tanpa Cowie kemungkinan Sulu dan pengaruhnya dalam hubungan perdagangan tidak berkembang. Hal ini



menyebabkan SBUB telah menghadapi kesukaran untuk membina ekonomi asas yang kukuh. Manakalah Treacher, setelah dapat iktiraf daripada Kerajaan British serta memegang tanggungjawab besar sebagai pentadbir rasmi. Beliau telah melaksanakan dasar-dasar colonial seperti pengurusan tanah, dasar anti-perhambaan serta pembentukan pentadbiran moden. Tambahan lagi, Beliau memastikan SBUB bukan sebagai entiti perdagangan malahan dikenali sebagai kuasa kolonial yang memiliki struktur Kawalan dan pemerintahan ke atas wilayah Borneo Utara.

Hasil kerjasama antara Treacher dan Cowie telah mencerminkan satu bentuk pembahagian besar dalam kolonial yang saling bergantung. Bagi fungsi Cowie sebagai penggerak utama dalam bidang ekonomi dan perantaraan diplomatik, manakala Treacher menyalur legitimasi pentadbiran dan melaksana dasar rasmi British. Tanpa tindakan ini, SBUB pasti terbatas membina tapak yang kukuh di Borneo Utara (Treacher, 1882; 1881, 1889). Hal ini menandakan cabaran geopolitik, persaingan kuasa serantau serta rumit dalam hubungan dengan masyarakat tempatan. Intinya dalam hubungan mereka bahawa kejayaan SBUB adalah disebabkan mereka berdua bukan semata-mata hasil kekuatan British tetapi kuasa kolonial dan jaringan individu utama yang menggabungkan kepakaran ekonomi, diplomasi dan pentadbiran (File E.34, 1882).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, William Hood Treacher adalah Gabenor pertama di Borneo Utara (1881-1887) paling penting dalam pembentukan struktur ekonomi, politik dan sosial. Semasa di bawah naungan SBUB, beliau Berjaya membuat rangka asas dalam pentadbiran colonial yang lebih tersusun melalui wujudnya sistem birokrasi, undang-undang Baharu serta usaha menghapuskan amalan perhambaan yang menajdi legasi masyarakat pra-kolonial. Dari sudut ekonomi pula, beliau memperlihatkan visi dan misi Pembangunan berasaskan kapitalisme colonial serta memperluaskan kegiatan ekonomi komersial. Perkara ini turut disokong oleh kemasukan golongan imigran dari China dan kepulauan lain. Langkah ini bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi awal malahan dapat menghubungkan Borneo Utara ke dalam ekonomi secara global pada abad ke-19. Oleh itu, treacher juga menekankan hubungan diplomatic dengan ketua masyarakat peribumi bagi menjamin kestabilan politik walaupun pendekatan ini sarat dengan wacana kolonial yang cuba menjustifikasi dominasi British atas Masyarakat peribumi. Perkara ini menampakkan dualism daripada dasar beliau iaitu ciri pentadbiran moden dan Pembangunan infrastruktur. Bagi kaca mata lain pula cuba mengekalkan hierarki kuasa kolonial yang bersifat hegemoni dan eksploitatif. Tambahan itu, sumbangan beliau amat berkesan bukan sekadar dalam konteks pencapaian pentadbiran malahan jkuga sebagai asas pembentuk struktur kolonial yang memebri kesan jangka Panjang terhadap dinamika hubungan kuasa antara penjajah dan masyarakat peribumi di Borneo Utara.

RUJUKAN

- Aping Sajok. (2016). Sejarah Amalan Perhambaan di Borneo Utara (1800-1942). Tesis Sarjana. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Black, I.D. (1970). Native North by The British Borneo Chartered Company, 1878 - 1915. Australian National University.
- British North Borneo Herald. 1 Februari 1886.
- British North Borneo Herald, Lanuns and The other Pirates 17 Januari 1938.
- British North Borneo with a Brief History.(1899). William Brown & Co. Limited.



- Colonial & Indian Exhibition. (1886). *Handbook British North Borneo: Report Recieved From Governor Treacher and Other Officers in the British North Borneo Company service*. London. William Clowes & Sons Ltd.
- Colonial & Indian Exhibition. (1890). *Handbook British North Borneo: Report of the Govenor and Officers of the Residential Staff in Borneo*. London. William Clowes & Sons Ltd.
- File E.34. Miscellaneous, The British North Borneo Company; The Governor of British North Borneo, 2nd August 1882, Arkib Negeri Sabah.
- Handbook of The State of British North Borneo. (1922). *Report of The Governor and Staff of North Borneo*. London. The British North Borneo Company.
- Hatton, F. (1885). *North Borneo Explorations and Adventures on the Equator*. London. Sampson Low, Marston, Searle & Rivington
- Ismail Ali. (2007). The Hegemony of the Vikings of the Eastern Seas in Borneo during the 18th and 19th Century. *HISTORIA: Journal of Historical Studies*. VIII (2), 1-24.
- Ismail Ali. (2010). *Viking Timur di Kepulauan Borneo*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ali. (2013). Perburuan Hamba, Lanun dan Kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: perspektif Sejarah Maritim. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 1 (1), 27-40.
- Ismail Ali. (2016) Ekspedisi Penghapusan Lanun oleh Barat. *Utusan Borneo*. 6 Jun.
- Loomba, A. (2015) *Colonialism/Postcolonialism*. London: Routledge
- Mikrofilem 380/82. Slavery in North Borneo. Arkib Negeri Sabah.
- Ranjit Singh D.S (2000). *The Making of Sabah 1865-1941:The Indegenous Society*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rutter, O. (1922) *British North Borneo*. London, Constable & Company Ltd.
- Rutter, O. (1930). *The Pirates Winds*. London: Hutchinson & Co
- Sather, C. (1997). *The Bajau Laut Adaptation on History and Fate in a Maritime Fishing Society of Southeastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- The United Kingdom Royal Manual of the title and Untitled Aristocracy of England, Wales Scotland and Ireland. (1921). Spottiwoode, Ballantyne and Co Ltd.
- Treacher W.H (1882). *British North Borneo: Report from 1st to 31st July Deember, 1882*. (Governor report to Chairman of the British North Borneo Company). Singapore: William Brown & Co.
- Treacher, W.H (1881). *British Borneo: Sketchers of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Singapore. Goverment Printing Office.
- Treacher, W.H (1889). *British Borneo: Sketchers of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Journal of the straits Branch of the Royal Asiatic Society, 20, 13-74.
- Tregonning, K. G. (2007). *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Tregonning, K.G. (1960) The elimination of slavery in North Borneo. *North Borneo News & Sabah Times*. 5 Oktober
- Warren, J.F. (1971a). The North Borneo Chartered Company Administration of the Bajau (1878-1909) Ohio: Ohio University.
- Warren, J.F. (1971b). The Sulu Zone 1768-1898. Singapore: Singapore University Press.
- Warren, J.F. (2002). Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity. Quezon City: New Day Publishers.
- Wright, L. R. (1966). History on the North Borneo Dispute. *Journal of Asia Studies*. Vol.XXV. No. 3. 471-484.
- Wright, L. R. (1966.b). Piracy and the Powers in Nineteenth Century Borneo. *Journal of Asia Studies*. Vol.XXV. Kota Kinabalu: Sabah Museum.



- Wright, L. R. (1980). The Lanun Pirate States of Borneo: Their Relevance to Southeast Asian History. Sabah Society Journal. Vol.VI No.4.
- Yusry Sulaiman, Mosli Tarsat & Rizal Zamani Idris. Pemerintahan Tradisional Sultan Abdul Momin di Sungai Tuaran (1877-1885), MANU Bil. 33 (2), 147-174, 2022 (Disember).

BIOGRAFI

Yusry Sulaiman (Ph.D) ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Beliau sedang mengajar subjek Kenegaraan. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Sabah, Kesultanan Brunei di Borneo Utara dan Sejarah Budaya.

Mohammed Ali Haniffa (Ph.D) ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Falsafah di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Beliau adalah Ketua Program Sejarah Gunaan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM. Bidang Pengkhususan beliau ialah Sejarah Malaysia, Sejarah Lisan, Sejarah Asia Tenggara dan Sejarah Tokoh.

Nor Azlah Sham Rambely ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Falsafah di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Beliau adalah Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, UUM. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Malaysia, Sejarah Tamadun & Pengajian Malaysia